


# PM mahu peranan Jabatan Audit Negara diperkuuh



The screenshot shows the myMetro website header with various navigation links like UTAMA, MUTAKHIR, GLOBAL, ARENA, RAP/RAPXTRA, BISNES, ADDIN, WM, METROTV, TITIPAN KASIH, GALERI, and INFO. Below the header is a Google Ad with the headline 'PM mahu peranan Jabatan Audit Negara diperkuuh'.

## PM mahu peranan Jabatan Audit Negara diperkuuh

BERNAMA



DATUK Seri Anwar Ibrahim ketika berucap di majlis perjumpaan bersama pengurusan dan warga Jabatan Audit Negara (JAN) di Putrajaya hari ini. FOTO BERNAMA

Putrajaya: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu bidang kuasa Jabatan Audit Negara (JAN) diperkuuh dan diperluaskan supaya dapat merangkumi peranan institusi hisbah atau ombudsman.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata tanggungjawab tambahan diberikan kepada JAN supaya kementerian dan jabatan di peringkat Persekutuan dan negeri memandang serius setiap teguran yang terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

"Ini masih dalam perbincangan tapi yang penting kita mahu perluas bidang tugas JAN," katanya kepada media selepas mengadakan perjumpaan bersama pengurusan dan warga JAN, di sini hari ini.

Anwar berkata peranan audit itu perlu "muhtasim" (disegani) bukan sahaja audit dari segi kewangan tetapi audit dari segi pematuhan kepada peraturan dan prinsip bagi mengelak daripada kecurangan sama ada dalam bentuk rasuah, ketirisan atau kecualian.

Beliau menegaskan pengabaian terhadap budaya tidak mengendahkan teguran LKAN perlu dinotahkan terutamanya teguran terhadap salah guna kuasa, kecualian atau penipuan.

Katanya ketika beliau memegang jawatan Menteri Kewangan pada 1991 hingga 1998, beliau mengangkat LKAN sebagai suatu dokumen yang penting dan ketika menjadi Ketua Pembangkang pula, beliau meneliti setiap helaian LKAN untuk memberi teguran keras kepada kerajaan.



Mulai sekarang, kata Anwar setiap teguran itu mesti dijawab sekiranya ia berlaku.

"Sebab itu tahun ini, sebaik LKAN dibentangkan oleh Ketua Audit Negara, semua menteri termasuk ketua setiausaha dan ketua pengarah masing-masing diwajibkan untuk meneliti laporan ini dan memberi jawapan atau tindakan yang memuaskan," katanya.

Anwar berkata sekiranya mana-mana kementerian atau jabatan tidak mengambil tindakan susulan secara serius ke atas teguran dalam LKAN, tindakan seumpama itu akan dipantau oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kementerian Kewangan (MoF) dan agensi penguat kuasa yang berkaitan.

Anwar juga mahu MoF mengetuai suatu tugas untuk meneliti semua laporan LKAN dan memastikan setiap kementerian dan jabatan patuh terhadap teguran.

"Kalau tidak laporan (LKAN) sampai tahun depan (teguran) akan ulang lagi," katanya.

Disiarkan pada: September 1, 2023 @ 6:20pm